

CNS9391

U GB 28-11 00173 BH670

aab

NEGARASELATANBERSEDIA MENENTUIKAN ARAH MASA DEPANNYA

Persidangan-arab

Daripada Donald Baptist

J

CARACAS, 28 Nov (Bernama)-- Negara-negara Selatan kini sanggup dan bersedia menentukan arah masa depannya sendiri, kata Presiden Venezuela Carlos Andres Perez..

Sambil memberi penekanan kepada matlamat baru negara-negara di selatan kha tuli sti wadan keperluan penduduknya semasa merasmikan sidang kemuncak G-15 di sini hari ini, beliau berkata masyarakat antarabangsa kini menghadapi ancaman kerana order baru dunia.

Tni merupakan pengaruh baru, konflik yang timbul daripada keazaman diri, pergelutan mendapatkan sumber semula jadi yang berkurangan, hutang luar, perlindungan dagangan, salahguna kewangan, penghijrahan beramai-ramai dan ancaman terhadap alam sekitar serta pengedaran dadah, kata beliau.

+Kita sedar daripada semua yang dipertaruhkan dan dalam keadaan yang mungkin belum pernah berlaku, kita harus bersama melibatkan diri ke arah pelaksanaan order baru dunia,+ kata Presiden Perez.

Pemimpin Venezuela itu, yang akan mengambil alih jawatan pengerusi G-15 daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, juga menggesa supaya konfrantasi Timur-Barat digantikan dengan kerjasama Utara-Selatan.  
-- Lagi

▼28/11/14-30MST

U GB 28-11 00153 BH671

aab

Persidangan-arab 2 Caracas

Sementara Selatan telah berusaha ke arah memperkukuhkan dasar pembangunan negara, mereka mendapat tiada timbalbalik dan penghargaan yang sepatutnya terhadap usaha itu oleh Utara.

Sambil menyeru kepada pembetulan hubungan yang tidak seimbang antara Utara dan Selatan, Presiden Perez berkata tiada order baru yang berjaya jika ia tidak memberi perhatian kepada tuntutan Selatan untuk mengadakan dialog.

+Kami mendesak Utara menerima cabaran mengadakan dialog yang berterus terang dan berkesan ini yang berhasrat mengatasi masalah yang ada,+ katanya.

Berakhirnya konfrantasi Timur-Barat akan menunjukkan bahawa masalah yang paling serius ialah ketidakseimbangan hubungan Utara-Selatan, kata beliau.

Berucap mewakili Afrika, Presiden Zimbabwe Robert Mugabe berkata kumpulan itu kini mempunyai pegangan matlamat yang lebih baik berbanding setahun lepas semasa persidangan kemuncak yang pertama di Kuala Lumpur.

Pemulihan ekonomi Selatan banyak bergantung kepada usahanya sendiri dengan mengeksploit sepenuhnya sumber yang ada, kata beliau.-- Lagi

▼28/11/14-33MST

U GB 28-11 00162 BH672

aab

Persidangan-arab 3 Caracas

Beliau juga berkata bahawa semasa perang dingin semakin lenyap **dari** sejarah, **negara** membangun menghadapi tugas membina **order** dunia yang baru dan demokratik dengan negara-negara secara sendiri atau berkumpulan mempertingkatkan dan melindungi hak rakyat dalam hal demokrasi, kebebasan, pembangunandan alam sekitar **yang** bersih.

+Jika **nilai** demokrasi hanya diikuti di peringkat **kebangsaan sedangkan** diketepikan di peringkat antarabangsa, **ianya** bertentangan **dengan** asas demokrasi,+ ka tanya beliau.

Negara maju terus mempergunakan sistem antarabangsa untuk kepentingan mereka **dalam** masa **yang** sama **nendakwa** ianya demokratik, katanya.

Presiden Peru, Alberto Fujimori berkata kerjasama Selatan-Selatan merupakan satu-satunya cara menghadapi perlindungan kuat daripada Utara, berdasarkan pengalaman individu setiap negara.

Beliau menambah kata **negara** **menhangam** perlu mengatasi keadaan yang dihadapi oleh Selatan secara menggantikan kepercayaan kuno dengan idea dan tanggapan moden serta pragmatik.

Ini boleh dilakukan tanpa melepaskan elemen kemanusiaan dan kebiasaan dalam pembangunan dengan memainkan peranan sebagai paradigma baru bagi dialog Utara-Selatan.-- Lagi

▼28/11/14-46MST

U GA 28-1100156 **RF677**

aab

Persidangan-arab 4 (akhir) Caracas

Beliau berkata satu pendekatan baru **yang** menekankan kepada pakatan bersama untuk menggalakkan pembangunan, amat diperlukan.

Majlis perasmian yang diadakan di Kompleks Kebudayaan Teresa Carreno **it. 11** dihadiri oleh sembilan daripada 11 ketua-ketua **negara** dan kerajaan.

Empat **negara** -- Brazil, Mesir, Jamaica dan Nijerija -- tidak dapat menghantar pemimpin utama masing-masing. Yugoslavia yang pada mulanya tidak dapat datang, kemudian menghadirkan diri.

Malam ini, Presiden Perez meraikan ketua-ketua negara dan kerajaan i.t.u pada majlis makan di kediaman rasmi +La Casona+. Kumpulan kebudayaan dari negara jawatankuasa pemandu (TROIKA) - Venezuela, Senegal dan Malaysia - mempersembahkan pertunjukan kebudayaan.

**Malaysia** diwakili oleh 26 anggota +Briged Seni Melaka+ yang mempersembahkan tarian tradisional **Malaysia**.

Kumpulan itu **yang** diketuai oleh Timbalan Setiausaha Negeri, Encik **Mhammad Xaid** sedang melakukan **lawatan** promosi 20 hari anjuran Perbadanan Kemajuan Pelancongan yang akan membawa mereka ke Mexico dan Los Angeles. -- Bernama

▼28/11/15-01MST